

UMS-KAL juara Debat Piala Naib Canselor UMS 2010

LABUAN: Pasukan debat Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) menjuarai pertandingan Debat Piala Naib Canselor UMS 2010 bagi kategori Bahasa Melayu Junior dan Bahasa Inggeris Junior sempena Karnival Debat Piala Naib Canselor UMS yang diadakan di Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, UMS, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Pasukan debat BM Junior diwakili Zullizam Mahdan, Norzila Mohd Fawzi dan Mohd Nadzri Alulakkal manakala Pravina Selvasingam, Debra Moh Yunni dan Sharmili a/p Arulanantham mewakili debat BI Junior.

Kemenangan pasukan debat lebih berharga apabila Norzila

dipilih sebagai Pendebat Terbaik bagi kategori Bahasa Melayu Junior.

Peserta Debat BM merupakan pelajar Tahun Satu Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) manakala pelajar Tahun Dua dan Tiga dari SPKAL dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) bergabung dalam pasukan Debat BI.

Setelah hampir 10 tahun penganjuran debat itu, inilah pertama kali pasukan debat UMS-KAL muncul juara sekaligus mengharumkan nama universiti tersebut.

Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Azlinda Shuaib selaku pemyelaras kelab

berkata kemenangan itu membawa harapan dan menaikkan semangat baru kepada ahli kelab Debat UMS-KAL untuk menampilkan lebih ramai pelapis untuk mewakili universiti pada pertandingan akan datang.

"Satu-satunya wakil junior bagi kedua-dua kategori telah membuka mata ramai pihak apatah lagi membawa pulang piala pusingan ke Labuan," katanya.

Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon menyampaikan hadiah berupa pingat, piala pusingan, piala iringan dan sijil penyertaan.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Kasim Mansur.



Dr Kamaruzaman menyerahkan Piala Pusingan kepada pasukan Debat Bahasa Melayu UMS-KAL (gambar kiri) dan Pasukan Debat Bahasa Inggeris UMS-KAL (gambar kanan) sambil diperhatikan Dr Kasim (kiri).